

KETIDAKSEMPURNAAN DOKUMEN PERUNDING-PERUNDING PROFESIONAL

MUHAMMAD AMMAR BIN JAMADI

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi
sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan

Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

APRIL 2010

ABSTRAK

Penglibatan perunding-perunding profesional di dalam industri pembinaan di Malaysia adalah amat membantu perkembangan industri ini. Hal ini kerana, perunding-perunding ini bertindak berdasarkan etika profesional. Oleh itu, harapan tinggi daripada semua pihak agar para perunding profesional ini dapat menjayakan industri ini. Namun, harapkan pagar, pagar makan padi, begitulah yang berlaku sebaliknya. Sesetengah perunding yang bergelar profesional ini tidak berusaha untuk menyelesaikan tanggungjawabnya, apabila berlakunya ketidaksempurnaan pada dokumen-dokumen yang mereka sediakan. Perilaku yang tidak bertanggungjawab ini memberi impak yang besar terhadap perjalanan sesebuah projek di dalam industri pembinaan ini. Oleh itu, kajian berkaitan dengan ketidaksempurnaan dokumen yang disediakan oleh perunding-perunding profesional ini dijalankan. Objektif kajian ini adalah bagi mengenalpasti punca ketidaksempurnaan ini dan kesannya terhadap kos sesebuah projek. Bagi tujuan kajian ini, dua (2) kaedah kajian telah dilakukan iaitu soal-selidik dan kajian kes terhadap projek kategori sekolah. Punca-punca utama ketidaksempurnaan yang dapat dikenalpasti adalah terdapatnya percanggahan maklumat di antara perunding, perunding kesuntukan masa dan kurang berpengalaman di dalam bidang masing-masing. Manakala, kajian kes terhadap tujuh (7) buah projek sekolah pula telah memberi gambaran bahawa terdapat pertambahan kos yang berlaku disebabkan ketidaksempurnaan dokumen ini. Daripada pengiraan yang telah dibuat purata pertambahan bagi tujuh (7) buah sekolah adalah 1.31 peratus. Daripada keseluruhan kajian, pihak-pihak yang terlibat wajarlah mengelakkan punca-punca ini berlaku kerana ia akan memberi impak yang serius terhadap perjalanan dan kos projek pembinaan.

ABSTRACT

The involvement of professional consultants in the construction industry in Malaysia is greatly assisted in the development of this industry. This is because, those consultants act based on ethical professional. Therefore, high expectations from all parties so that professional consultants can ensure the success of this industry. However, things never done right, things happen oppositely, so that otherwise occur. Some consultants who are called professional are not trying to solve its responsibilities when imperfections in the occurrence of the documents they have prepared. This behavior gave a large impact on the implementation of a project in the construction industry. Therefore, a study to the imperfections of documents prepared by professional consultants is carried out. The objectives of this study were to determine the cause of this imperfection and its effect on the cost of a project. For the purpose of this study, two (2) research methods have been carried out, i.e. by questionnaires and case studies on school projects. The main causes of imperfections that occur are identified, i.e. discrepancies of information between the consultant, not enough time and less experienced in their respective fields. Meanwhile, case studies of seven (7) schools project have shown that there was increasing of costs that occur due to imperfections of this document. The average cost increased for the seven (7) schools were 1.31 percent. Of the overall study, the parties involved should avoid the causes of this from happens because it will seriously impact the cost of the project.